

## **FAQs BELANJAWAN 2012**

### **Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) RM500**

- Bantuan ini merupakan pemberian *one-off* kepada semua isi rumah warganegara Malaysia berpendapatan RM3,000 dan ke bawah bagi membantu meringankan kenaikan kos sara hidup.
- Seramai 5.2 juta isi rumah atau 79.5% daripada keseluruhan isi rumah dianggarkan mendapat manfaat.

#### **1. Siapa yang layak memohon?**

- Isi rumah warganegara Malaysia berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah. Isi rumah merujuk kepada seorang lelaki atau wanita yang menjadi ketua kepada ahli yang tinggal serumah atau ketua keluarga. Ini merangkumi individu:
  - ✓ berkahwin;
  - ✓ ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan;
  - ✓ bujang yang mempunyai tanggungan; dan
  - ✓ Warga emas (berumur 60 tahun ke atas) sebatang kara

#### **2. Bila boleh memohon?**

- Borang permohonan akan diedarkan mulai 10 Disember 2011. Pendaftaran permohonan boleh dibuat bermula 10 Disember 2011 hingga 10 Januari 2012.

#### **3. Bagaimana untuk mendapatkan borang?**

- Borang boleh didapati di Jabatan Pembangunan Persekutuan, Pejabat Cawangan dan Pusat Khidmat LHDN, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Penerangan, akhbar-akhbar utama dan dimuat turun dari laman sesawang Perbadanan Malaysia ([www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my))
- Borang ini adalah PERCUMA.

#### **4. Apakah dokumen yang perlu disertakan?**

- Salinan kad pengenalan pemohon dan tanggungan
- Salinan penyata gaji (jika ada)

5. Bagaimana untuk memohon?

- Mengisi borang permohonan BR1M
- Borang yang lengkap diisi boleh diserah ke Pejabat Pembangunan Persekutuan, sekolah-sekolah terpilih dan pejabat-pejabat cawangan LHDN.
- Bagi kawasan-kawasan terpencil yang tidak dapat dihubungi melalui jalan raya, proses pengedaran borang dan pendaftaran akan dibuat di kawasan-kawasan tersebut.

6. Bilakah pembayaran akan diterima?

- Proses pembayaran akan bermula mulai 16 Januari 2012
- Pembayaran akan dibuat melalui baucar tunai.

7. Perlukah mendapat pengesahan mengenai pendapatan bulanan?

- Tidak perlu pengesahan pendapatan bulanan. Hanya perlu menyatakan pendapatan bulanan seperti berikut:
  - ✓ Bagi yang bekerja dan pesara Kerajaan, dikehendaki untuk mengemukakan penyata gaji dan penyata pencen bulanan.
  - ✓ Bagi yang bekerja sendiri dikehendaki untuk menyatakan anggaran pendapatan bulanan sahaja(*self declaration*).
  - ✓ Bagi yang tidak bekerja, dikehendaki untuk menyatakan anggaran pendapatan bulanan sekiranya ada(*self declaration*).

**Pemberian Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)**

1. Siapakah yang layak menerima bantuan baucar buku RM200?

- Semua pelajar warganegara Malaysia yang mengikuti pengajian pra-universiti, *faundation*, diploma, ijazah dan PhD di institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan, matrikulasi serta pelajar tingkatan enam di seluruh negara.
- Semua penuntut yang berstatus pelajar dari 1 Januari 2012 hingga 31 Mac 2012 adalah layak untuk menerima BB1M.
- Pelajar separuh masa juga adalah layak menerima BB1M

2. Bila dan bagaimana untuk memohon BB1M?

- Baucar RM200 akan diagihkan kepada pelajar mulai 1 Januari 2012 oleh institusi pengajian masing-masing.

3. Berapa lama tempoh sah BB1M?
  - BB1M boleh digunakan selama 3 bulan bermula 1Januari hingga 31 Mac 2012
4. Bagaimana dan di mana boleh menggunakan BB1M?
  - Pelajar boleh membeli buku serta peralatan pembelajaran dengan menggunakan baucar di semua kedai buku yang menyertai program ini serta koperasi di IPTA & IPTS.
5. Adakah penuntut/pelatih Institusi Pendidikan Guru (IPG) di bawah program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) layak menerima BB1M?
  - Penuntut/pelatih ini tidak layak menerima BB1M kerana mereka menerima elaun buku dan adalah pelatih pra-perkhidmatan.
6. Adakah pelajar di bawah program sijil layak untuk menerima BB1M?
  - Semua pelajar yang mengikuti program sijil termasuk sijil profesional, sijil kemahiran dan sijil teknikal adalah tidak layak untuk menerima BB1M.
7. Adakah pelajar yang mengikuti kursus diploma kejururawatan layak untuk menerima BB1M?
  - Pelajar yang mengikuti kursus diploma kejururawatan layak untuk menerima BB1M.
8. Bagaimanakah kedai buku boleh menyertai program BB1M? Adakah perlu mendaftar terlebih dahulu?
  - Semua kedai buku adalah digalakkan untuk menyertai program BB1M. Tiada pendaftaran penyertaan program diperlukan. Kedai buku hanya perlu menerima baucar yang dikemukakan oleh pelajar dan boleh menuntut di mana-mana cawangan BSN berhampiran dengan mengemukakan baucar berserta resit pembelian. Adalah digalakkan kedai buku yang menyertai program ini untuk membuka akaun di BSN.

## **Skim Rumah Pertamaku**

1. Siapakah yang layak memohon?
  - Terbuka kepada semua rakyat Malaysia berumur 35 tahun dan kebawah dengan pendapatan bulanan di bawah RM3,000 dan masih belum memiliki rumah.
  - Suami dan isteri yang masing-masing berpendapatan di bawah RM3,000 dan masih belum memiliki rumah.
2. Bila, bagaimana dan dimanakah untuk memohon?
  - Permohonan boleh dibuat mulai Januari 2012 semua bank yang mengambil bahagian.
  - Pemohon boleh memohon pinjaman dengan mengemukakan semua maklumat peribadi dan rumah yang ingin dibeli seperti yang telah ditetapkan oleh bank.
  - Permohonan boleh dibuat secara individu atau pinjaman bersama.
  - Bagi pemohon individu:
    - ✓ Berpendapatan di bawah RM3,000
    - ✓ Maksimum pinjaman adalah RM220,000 dengan tempoh maksimum 30 tahun
    - ✓ Jumlah maksimum bayaran bulanan adalah sebanyak 1/3 daripada jumlah pendapatan bulanan
    - ✓ Mempunyai pekerjaan yang tetap
    - ✓ Belum memiliki rumah
  - Bagi pemohon bersama:
    - ✓ Pemohon adalah suami dan isteri
    - ✓ Masing-masing berpendapatan dibawah RM3,000 dengan jumlah aggregat pendapatan sebanyak RM6,000
    - ✓ Maksimum pinjaman adalah sebanyak RM400,000 dengan tempoh maksimum 30 tahun
    - ✓ Jumlah maksimum bayaran bulanan adalah sebanyak 1/3 daripada jumlah pendapatan bersama suami-isteri bulanan
    - ✓ Mempunyai pekerjaan yang tetap
    - ✓ Kedua-duanya belum memiliki rumah

3. Adakah Skim ini meliputi rumah kediaman yang telah siap dibina atau yang masih didalam pembinaan?
  - Skim ini adalah meliputi rumah kediaman yang telah siap dibina dan yang masih didalam pembinaan.
4. Bagaimanakah skim ini berfungsi?
  - Pemohon yang layak akan diberi pinjaman 100% dimana 10% akan diberi jaminan oleh pihak Cagamas SRP.
  - Kadar faedah yang dikenakan adalah berdasarkan kepada produk bank sedia ada.

5. Dimana boleh saya mendapat maklumat lanjut mengenai skim ini?
  - Maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang [www.srp.com.my](http://www.srp.com.my).

### **Program Rumah Mesra Rakyat**

1. Siapakah yang layak memohon?
  - Ibu rumah yang berpendapatan rendah (RM1,500 dan kebawah) yang mempunyai tanah persendirian dan tidak memiliki rumah atau tinggal di rumah usang
  - Pemohon mestilah berumur 18 hingga 65 tahun
  - Mengikut syarat kelayakan program sedia ada seperti yang telah ditetapkan oleh SPNB
2. Bagaimana Program ini berfungsi?
  - SPNB akan membina rumah dengan kos sebanyak RM65,000 seunit dimana akan dijual kepada pemohon dengan harga RM45,000 sahaja.
  - Baki RM20,000 akan ditanggung oleh Kerajaan
  - Untuk tujuan ini, pemohon akan disediakan pinjaman 100% oleh bank dengan tempoh maksimum 30 tahun.
3. Bila dan bagaimakah untuk memohon?
  - Permohonan boleh dibuat mulai Januari 2012 di SPNB
4. Pertanyaan lanjut sila hubungi Jabatan Rumah Mesra Rakyat di talian 03-2681 0180.

### **Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)**

1. Siapakah yang layak memohon?
  - Warganegara Malaysia yang berpendapatan tetap dibawah RM6,000 dan kebawah
  - Penjawat awam dan swasta
2. Bagaimana program ini berfungsi?
  - Pemaju (PR1MA Corp) akan membina rumah kediaman dan menjualnya dengan harga yang lebih rendah dari harga di pasaran. Pemohon boleh membuat permohonan pembelian rumah terus dengan PR1MA.
  - Pembeli akan ditentukan dengan cabutan awam.
3. Pertanyaan lanjut boleh didapati di laman sesawang <http://pr1ma.net/>.